



UDA SANTUNI GOLONGAN ASNAF SEMPENA PROGRAM 'INDAHNYA RAMADAN'

Kepala Batas, 30 Mei 2019 – UDA Holdings Berhad (UDA) menerusi anak syarikat UDA Land (North) Sdn Bhd (ULNSB) sekali lagi mengambil langkah murni dengan menyantuni golongan yang memerlukan menerusi penganjuran program Indahnya Ramadan. Program ini adalah salah satu inisiatif tanggungjawab sosial korporat (CSR) UDA yang diberi nama 'UDA Cares - Enriching Life' yang memfokuskan pada bantuan kepada golongan asnaf. Program kali ini mensasarkan penyaluran sumbangan zakat kepada asnaf yang layak di sekitar kawasan pembangunan ULNSB iaitu di Seberang Jaya dan Bertam.

Sumbangan zakat berjumlah RM35,000 disalurkan kepada anak-anak yatim dari sekitar kawasan Bertam dan Seberang Jaya dan seorang warga emas miskin, Makcik Mariam Ayub, yang serba kekurangan dan tinggal bersama anaknya yang juga Orang Kurang Upaya (OKU). Pada majlis hari ini, UDA telah membawa seramai 62 anak-anak yatim dari Madrasah Al-Aminiah, Bertam Putra dan kawasan sekitar untuk membeli kelengkapan bagi menyambut Syawal yang bakal tiba. Mereka dibawa ke Sunway Carnival Mall untuk membeli-belah sebelum sama-sama berbuka puasa di Club House Crescent Dew di Bertam, Kepala Batas. Duit raya turut diagihkan kepada mereka bagi menambah keceriaan sebelum majlis berbuka puasa.

Majlis berbuka puasa itu disempurnakan oleh YB Dato' Ir. Hj. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman, Timbalan Ketua Menteri 1, Pulau Pinang. Turut hadir pada majlis itu adalah YBrs Tn. Hj. Zahrin Zakaria, Pemangku Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif UDA, Tn. Hj. Noor Azmi Salleh, Ketua Pegawai Operasi Kumpulan, Pembangunan Hartanah UDA dan Encik Zainudin Deni, Ketua Pegawai Operasi ULNSB. Pada majlis yang sama, YBrs Tn. Hj. Zahrin turut menyerahkan duit raya kepada anak-anak yatim tersebut.

Menurut YBrs Tn. Hj. Zahrin, "Sumbangan zakat ini adalah salah satu inisiatif UDA menghulurkan bantuan kepada golongan memerlukan selain menyantuni komuniti setempat di sekitar kawasan pembangunan UDA.

"Program CSR 'UDA Cares - Enriching Life' seumpama ini adalah acara tahunan bagi UDA. Usaha berterusan ini diadakan seiring mengejar matlamat dan sasaran syarikat iaitu membantu golongan memerlukan bagi memberi keseimbangan dan

keharmonian dalam perniagaan. UDA tidak hanya tertumpu untuk menawarkan produk dan perkhidmatan yang berdaya saing dan mengejar keuntungan semata, tapi dalam masa yang sama dapat memberi semula dan menambah nilai kepada komuniti khususnya di kawasan pembangunan UDA," katanya.

Tambah beliau lagi, "UDA Cares – Enriching Life sempena Indahnya Ramadan kali ini sudah masuk kali ketiga ia diadakan. Sebelum ini, UDA telah menyerahkan sumbangan zakat di zon utara, selatan, timur dan sentral bermula Januari hingga awal Mei ini. Sehingga kini, UDA telah membayar zakat kepada Pusat Pungutan Zakat Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan dan sebanyak RM1.6 juta telah dikembalikan semula untuk pihak UDA agihkan kepada golongan yang layak".

Terdahulu, pada 26 Mei 2019 (Ahad), UDA turut berkesempatan menyantuni Makcik Mariam Ayub, 62, warga emas yang serba kekurangan. Makcik Mariam kini tinggal bersama anaknya, Mohd Sahir Rozalee, yang juga seorang OKU. Mereka yang tinggal di hujung kampung di Permatang Janggus, Permatang Pauh mengerah keringat setiap hari berjalan pergi balik sejauh lapan kilometer dari rumah ke simpang berhampiran UiTM untuk menjual pelbagai makanan termasuk kuih-muih demi kelangsungan hidup. Walaupun Makcik Mariam tidak pernah bekerja dan anaknya yang tidak mampu bekerja, mereka membanting tulang demi sesuap nasi selepas pemergiaan suaminya berikutan penyakit kencing manis pada 2013. UDA menyampaikan sumbangan berjumlah RM5,000 berupa wang tunai dan kelengkapan rumah bagi meringankan beban dan menambah keceriaan Makcik Maryam dan anaknya bagi menyambut bulan Syawal.

Selepas menyampaikan sumbangan pada Makcik Marian, UDA juga telah membawa seramai 60 anak-anak yatim dari kawasan Seberang Jaya ke Sunway Carnival Mall, Seberang Jaya bagi membeli kelengkapan untuk menyambut Hari Raya Aidilfitri. Selepas selesai membeli-belah, mereka turut diraikan dalam majlis berbuka puasa di Safira Country Club dan menerima sumbangan duit raya. Majlis tersebut telah disempurnakan oleh YB Dr. Afif Bahardin, Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan. Turut hadir pada majlis tersebut adalah YBrs Tn. Hj. Zahrin Zakaria, Pemangku Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif UDA, Tn. Hj. Noor Azmi Salleh, Ketua Pegawai Operasi Kumpulan, Pembangunan Hartanah UDA dan Encik Zainudin Deni, Ketua Pegawai Operasi ULNSB.

TAMAT

MENGENAI UDA HOLDINGS BERHAD

UDA Holdings Berhad (UDA) merupakan salah satu organisasi pembangunan hartanah dan pengurusan aset yang mampan dan berdaya saing di negara ini. Aktiviti utama syarikat termasuk pembangunan tanah, pengurusan harta dan pengurusan fasiliti, kompleks beli-belah serta industri hospitaliti. UDA telah bertapak kukuh dalam membentuk dan memodenkan Kuala Lumpur, Lembah Klang dan bandar-bandar utama lain di Malaysia sejak tahun 1971.

Untuk maklumat lanjut mengenai UDA, sila layari laman sesawang kami di www.uda.com.my atau laman Facebook www.facebook.com/UDAHoldings. Sebarang pertanyaan media, sila hubungi:

- **Nor Hanisah Kamaruzaman** | n.hanisah@udanet.com | **+6013 597 4264**
- **Latifah Osman (Lat)** | lat@udanet.com | **+6012 291 5427**

Bahagian Komunikasi Korporat Kumpulan
UDA Holdings Berhad
Tingkat 6, Blok Menara, Kompleks Pertama,
Jalan Tuanku Abdul Rahman, 50100 Kuala Lumpur.
Tel : +603 2730 8500 | Fax : +603 2731 2855